

DATE : 20 November 2013
PUBLICATION : Kosmo!
SECTION : Niaga
HEADLINE : Dana Bon Global Maybank dilancar

Dana Bon Global Maybank dilancar

Oleh JUNHAIRI ALYASA
junhairi.aliyasa@kosmo.com.my



KUALA LUMPUR - Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (Maybank AM) menyasarkan langganan sebanyak RM50 juta dalam tempoh tiga bulan bagi unit amanah global pertama khusus untuk pelabur tempatan, Dana Bon Global Maybank yang dilancarkan di sini semalam.

Anak syarikat Kumpulan Maybank itu turut menjangkalkan dalam tempoh 12 bulan akan datang, langganan unit amanah tersebut dijangka meningkat sehingga RM75 juta hingga RM100 juta.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pelaburan Serantau Maybank AM, Badrul Hisyam Abu Bakar berkata, pihaknya memilih untuk bekerjasama dengan syarikat pelaburan Franklin Templeton yang mempunyai pengalaman luas dalam pasaran bon global.

"Kami memilih Franklin Templeton kerana mereka berjaya menguruskan pasaran ketika krisis kewangan global," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran dana tersebut di sini semalam.

Selain itu, Badrul Hisyam menjelaskan, pelabur perlu mempunyai akses kepada dana amanah global bagi menyediakan pendapatan yang konsisten dan keduukan defensif dalam pasaran yang turun naik.

Beliau berkata, berdasarkan kedudukan geografi, 17.31 peratus pegangan dana sasaran itu ialah di Korea Selatan, 11.54 peratus di Poland dan 10.53 peratus di Malaysia.

"Kelebihan dana itu ialah kelas sahamnya menggunakan dolar Singapura, yang berdaya tahan dalam keadaan pasaran yang tidak menentu," ujarnya.



BADRUL HISYAM (kanan) pada majlis pelancaran Dana Bon Global Maybank di Kuala Lumpur semalam.